

06/04/1998

Asia, Eropah perlu perkongsian bijak

SEJARAH membuktikan memang wujud perkongsian antara Asia dan Eropah sejak sekian lama. Apa yang menjadi persoalan ialah bentuk perkongsian kedua-dua benua itu. Perkongsian Asia-Eropah adalah berat sebelah. Eropah mewujudkan perkongsian dengan Asia kerana di sana wujud peluang untuk memakmurkan negara mereka. Asia menyedari perkara ini tetapi tidak dapat melakukan sesuatu yang konkrit kerana Eropah adalah pasaran penting, hingga kita tidak boleh meletakkan syarat. Jika ingin mewujudkan perkongsian, kita terpaksa akur kepada peraturan Eropah yang menjadikan kuasa pasaran bebas sebagai syarat mengikat yang bermakna kita mesti menerima syarat itu jika mahu berkongsi pasaran dengan Eropah.

Tidak banyak negara Asia yang membantah, seolah-olah syarat itu sudah menjadi sebahagian fahaman. Jika ada negara yang cuba menafikan hakikat ini, kesempatan itu akan digunakan oleh negara Asia yang lain untuk menambah pengeluaran mereka untuk pasaran lebih luas di Eropah.

Oleh itu, terpaksa setiap negara di Asia mengekalkan kedudukan mereka di Eropah walaupun menyedari bahawa perkongsian yang lebih bijak patut wujud antara Asia dan Eropah. Setakat ini hanya Malaysia yang sering menyuarkan bantahan terhadap syarat Eropah.

Kita percaya perhubungan kedua-dua benua ini boleh diperbaiki jika setiap pihak bersikap jujur. Buat permulaan, adalah dirasakan wajar negara Eropah dan Asia memikirkan syor Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya kedua-dua benua itu menilai semula asas hubungan dan menegakkan perkongsian menerusi dasar yang pragmatik. Kita tidak boleh lagi menerima hubungan Eropah dan Asia sebagaimana kita menilai hubungan antara penjajah dengan jajahan takluknya. Sekarang adalah zaman teknologi yang memerlukan kepelbagaian idea.

Idea tidak semestinya datang dari Eropah. Jika ada sejenis ciptaan baru di Eropah untuk dipasarkan di Asia, ia tidak akan mendapat sambutan jika idea penggunaannya tidak sampai ke masyarakat Asia. Begitu juga idea dari Asia yang kita anggap sesuai untuk diamalkan di Eropah. Jika kita memikirkan secara rasional kepentingan hubungan Eropah-Asia, kita boleh melihat suatu perkembangan positif di dunia. Eropah perlulah bersedia mendengar pandangan Asia. Persepsi yang mengatakan Eropah lebih besar dan berpengaruh, perlulah dihapuskan.

Dunia hari ini dilihat di Eropah sebagai pasaran bebas. Pasaran bebas hanya memberi kepentingan kepada negara yang kuat dari segala segi. Bebas bukan melambangkan keadilan pasaran jika menafikan hak untuk bersaing. Tidak semua negara di dunia ini mampu bersaing dengan bebas. Ada negara yang kecil tetapi kaya dengan hasil sumbernya. Tetapi disebabkan ada sesuatu kekurangan, ia mendapati percaturan dunia tidak adil bagi dirinya.

Ada juga negara yang besar tetapi disebabkan sistem negaranya tidak secocok dengan peraturan Eropah, hak mereka dinafikan. Ada juga negara besar yang berpotensi untuk bersaing tetapi disebabkan kebimbangan negara berkenaan akan wujud sebagai satu kuasa baru, hak negara berkenaan juga cuba dinafikan. Akibatnya, pasaran bebas hanya berkisar di negara yang dilihat di Eropah boleh membawa untung kepada negara mereka.

Dalam era ini, kita berpendapat konsep menafikan hak sesebuah negara sudah tidak boleh diterima lagi. Setiap negara mempunyai sistem yang berpaksi kepada kepentingan rakyat dan negaranya. Lebih daripada itu, ada negara yang mementingkan kedaulatan negaranya. Perkongsian yang bijak seharusnya mengambil kira persoalan pokok ini. Eropah perlu menilai apakah

perkongsian yang mahu mereka wujudkan hanya mengambil kira kepentingan mereka sedangkan membiarkan rakyat rakan kongsi mereka terus hidup dalam kemiskinan. Sepatutnya, Eropah perlulah berpendirian memakmurkan setiap rakan perkongsian.

Kemakmuran rakan perkongsian akan memakmurkan Eropah. Oleh itu, matlamat untuk memakmurkan dunia lebih mudah dicapai. Hari ini kita menerima hakikat bahawa urusan perniagaan memerlukan perkongsian. Walau bagaimana kaya sekalipun negara berkenaan, mereka tetap memerlukan pembeli. Oleh itu, hubungan mesra dengan pembeli perlulah sentiasa diutamakan. Semua pihak termasuk sektor swasta perlulah digalakkan bekerjasama dengan rakan perniagaan mereka. Kita tidak nampak sebarang kerugian daripada semangat kerjasama yang boleh diwujudkan. Kita percaya jika Eropah sanggup membantu negara lain, imej Eropah di mata dunia dengan sendirinya akan meningkat.

(END)